



MANUAL PENGGUNAAN MURID — MUAR

Modul Tingkatan 3 • Operasi Sektor Siber


Panduan langkah demi langkah untuk kadet baharu modul Tingkatan 3 — dari membuka laman web sehingga menjawab misi pertama. Nombor merah dalam gambar sepadan dengan nombor dalam arahan.

cabarandigital.muaredu.com

1

Buka laman web dan pilih Tingkatan 3

Taip **cabarandigital.muaredu.com** pada pelayar web (Chrome, Edge atau Safari). Pada skrin utama, klik kad **Tingkatan 3** — kad kedua dengan ikon kiub biru.




Klik kad **Tingkatan 3 • Operasi Sektor Siber** (dalam kotak merah).

2

Tekan "Mulakan Misi"

Skrin **Operasi Sektor Siber** akan muncul bersama cerita misi. Baca cerita itu, kemudian tekan butang ► **Mulakan Misi**.



Butang **Mulakan Misi** berada di bawah cerita.

3

Isi borang pendaftaran kadet

Kali pertama bermain, borang pendaftaran akan muncul. Isi semua maklumat dengan betul:

- 1 **Nama Penuh** — tulis nama sebenar anda.
- 2 **ID Delima** — taip ID Delima anda, contohnya **nama@moe-dl.edu.my**. Markah anda direkodkan mengikut ID ini!
- 3 **Sekolah** — pilih sekolah anda daripada senarai. Hanya sekolah menengah daerah Muar yang disenaraikan.
- 4 **Kelas** — tulis kelas anda, contohnya *3 Amanah*.
- 5 Tekan **Daftar & Mula** ✓.

The image shows a registration form for the CYBER AGENT ACADEMY. The form is titled "PENDAFTARAN KADET" and "Daftar Sebelum Misi". It includes instructions to use the Delima ID. The form has five numbered steps: 1. Nama Penuh (Full Name) filled with "Amir Danial"; 2. Delima (cth. nama@moe-dl.edu.my) filled with "amir@moe-dl.edu.my"; 3. Sekolah (School) filled with "JEA5037 - SMK BANDAR MAHARANI"; 4. Kelas (Class) filled with "3 Amanah"; 5. A button labeled "Daftar & Mula ✓".

CYBER AGENT ACADEMY
OPERASI SEKTOR SIBER

PENDAFTARAN KADET
Daftar Sebelum Misi

Isi maklumat kadet. Markah anda akan direkodkan mengikut ID Delima.

1 Nama Penuh
Amir Danial

2 Delima (cth. nama@moe-dl.edu.my)
amir@moe-dl.edu.my

3 Sekolah
JEA5037 - SMK BANDAR MAHARANI

4 Kelas
3 Amanah

5 **Daftar & Mula ✓**

Contoh borang yang telah diisi dengan lengkap.


PENTING

Gunakan ID Delima yang **sama setiap kali** anda bermain. Jika ID berbeza, markah lama anda tidak akan bersambung.

4

Terima taklimat misi

Watak Akademi akan memberi taklimat misi. Baca pesanannya, kemudian tekan **Terima Misi** ✓ untuk mula menjawab.




Tekan **Terima Misi** selepas membaca taklimat.

5

Kenali skrin misi anda

Setiap misi mempunyai bahagian yang sama. Kenali dahulu sebelum menjawab:

- 1 **Panel misi** — watak Akademi, tajuk misi dan XP yang boleh dikumpul.
- 2 **Soalan** — baca dengan teliti. Kata kunci ditulis dalam warna jingga.
- 3 **Ruang aktiviti** — di sinilah anda menjawab: klik, seret, atau taip mengikut arahan misi.
- 4 **Butang Tips** 💡 — petunjuk jika buntu (lihat Langkah 6).
- 5 **Semak Jawapan** — tekan selepas menjawab untuk semak betul atau salah.
- 6 **Menu misi** — lompat ke mana-mana misi. Bulatan nombor di atas menunjukkan kemajuan anda.



Skrin Misi 1 — setiap bahagian ditanda dengan nombor merah.


SIMPANAN AUTOMATIK

Ikoni satelit 📶 di penjuru atas menunjukkan markah anda dihantar ke server secara automatik. Anda boleh sambung bermain di rumah — log masuk semula dengan ID Delima yang sama.

6

Buntu? Tekan butang Tips

Tekan butang  **Tips** di penjuru kanan bawah. Petunjuk akan muncul untuk membantu anda berfikir — ia tidak memberi jawapan terus.



The screenshot shows a game interface with a dark blue background. At the top, there's a header with a laptop icon, the text 'CARA - TINGKATAN 3', and 'SEKTOR 1 - Perkakasan & Rangkaian'. To the right of the header are buttons for 'Misi 1 — Pilih satu', a settings icon, and a 'Kembali' button. Below the header is a grid of 41 numbered buttons (1-41) arranged in three rows. The first row has buttons 1-18, the second row 19-35, and the third row 36-41. Buttons 1, 8, 26, 30, and 31 are highlighted with a green 'SEKTO' label. Below the grid is a mission card for 'T3-001 - Misi 1'. The card features a character profile for 'Komander Arif' (Ketua Cyber Agent Academy), the mission title 'Imbasan Terminal Ejen' with the subtitle '“Ejen, kuasai terminal anda dahulu!”', and a '+40 XP' reward with a 'Terminal Scan Badge'. Below the mission card, a text box says 'Anda menggunakan File Explorer.' followed by the instruction 'File Explorer memaparkan laluan fail pada...'. There are four buttons: 'bar status', 'bar alamat', 'bar kerja', and 'bar alatan'. A tip at the bottom of the mission card reads: 'Tip: klik pilihan anda, kemudian tekan butang Semak Jawapan.' At the bottom right of the mission card are buttons for 'Cuba Semula' and 'Semak Jawapan'. In the bottom right corner of the game area, a yellow 'Tips' button is visible. A red-bordered box highlights a tip: 'Bar yang sama seperti tempat URL pada pelayar web.'

Contoh petunjuk untuk Misi 1.

7

Semak jawapan dan teruskan

Selepas menjawab, tekan **Semak Jawapan**:

- 1 **Betul!** — kotak hijau muncul dengan penerangan jawapan. Baca penerangan itu, ada ilmu tambahan!
- 2 Tekan **Seterusnya** > untuk ke misi berikutnya.

The screenshot shows the CAA TINGKATAN 3 SEKTOR 1 interface. At the top, there's a header with 'CAA · TINGKATAN 3' and 'SEKTOR 1 · Perkakasan & Rangkaian'. Below this is a grid of buttons numbered 1 to 41, with 'SEKTO' labels. The main area displays 'T3-001 · Misi 1' and a character profile for 'Komander Arif'. The mission title is 'Imbasan Terminal Ejen'. A message states 'Anda menggunakan File Explorer.' and 'File Explorer memaparkan laluan fail pada...'. Below this are four buttons: 'bar status', 'bar alamat', 'bar kerja', and 'bar alatan'. A tip says 'Tip: klik pilihan anda, kemudian tekan butang Semak Jawapan.' A green success message box shows '✓ Betul! Syabas!' and 'Bar alamat memaparkan laluan fail, cth. C:\Users\Murid\Documents.' At the bottom right, there are two buttons: 'Cuba Semula' and 'Seterusnya >'. A 'Tips' button is in the bottom right corner.

Jawapan betul — maklum balas hijau dan butang Seterusnya.

JANGAN RISAU JIKA SALAH

Anda boleh tekan  **Cuba Semula** dan jawab sekali lagi. Cuba jawab betul pada percubaan pertama untuk XP penuh!

Ringkasan pantas

1. Buka **cabarandigital.muaredu.com**
2. Klik kad **Tingkatan 3**
3. Tekan **Mulakan Misi**
4. Daftar dengan **ID Delima** anda (kali pertama sahaja)
5. Terima taklimat, jawab **41 misi**, kumpul XP & badge
6. Buntu? Tekan  **Tips** · Salah? Tekan  **Cuba Semula**

ADA MASALAH?

Tersilap isi maklumat, terlupa ID, atau laman tidak dapat dibuka — beritahu guru anda.